

**KOLEKSI
INFO PUU**

20

23

KOLEKSI INFO PUU 2023

Penerbit UTeM Press
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
2024

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

CETAKAN PERTAMA 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan dalam sebarang bentuk menggunakan sebarang alat sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Penerbit UTeM Press, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)
Ahli Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)
Ahli Clarivate Analytics

Diterbitkan dan Dicetak di Malaysia oleh
Penerbit UTeM Press
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.
Tel: +606 270 1241 Faks: +606 270 1038

ISI KANDUNGAN

NO INFO	TAJUK	HALAMAN
	Sekapur Sireh.....	5
1/2023	Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000.....	6
2/2023	Perisytiharan Harta	7
4/2023	Informasi Undang-Undang Sivil: Tuntutan Kecil di Mahkamah	8
7/2023	Pegawai yang Dibenarkan Memegang atau Menyimpan Kad Pengenalan	9
11/2023	Duti Setem: Tempoh Penyeteman	10
12/2023	Senarai Semak Dokumen/Suratcara	11
13/2023	Harta Intelek.....	12
14/2023	Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Seksyen 15).....	13
16/2023	Apa Itu “Rahsia Rasmi”	14
17/2023	Duti Setem: Status Tuntutan Pembayaran Notis Taksiran.....	15
18/2023	Wajibkah Majikan atau Syarikat Membuat Caruman KWSP Terhadap Pekerja Sambilan?.....	16
19/2023	Strategi Bebas Hutang	18
20/2023	Tahukah Anda?	19
21/2023	Tahukah Anda?	20
22/2023	“Jaga Tepi Kain Orang”	21
23/2023	Peraturan Penggunaan Cermin Gelap: Peratus Ketelusan Cahaya (VLT)	22
24/2023	Staf Yang Terlibat dengan Prosiding Jenayah.....	23
25/2023	4 Kesalahan Utama Rasuah di Bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009	24
26/2023	Kewajipan Mengisytihar Pekerjaan Luar dan Harta	25
30/2023	Penalti Lewat Penyeteman.....	26
31/2023	Tahukah Anda?	27
32/2023	4 Langkah Mudah Isytihar Harta.....	28

33/2023	5 Jenis Status Perisytiharan Harta.....	29
34/2023	Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506).....	30
35/2023	Panduan Muat Naik Dokumen Perisytiharan Harta...	31
36/2023	Tahukah Anda?	32
37/2023	Tahukah Anda?	33
38/2023	Apakah Perbezaan antara Statut, Kaedah dan Peraturan?	34
39/2023	Duti Setem.....	35
40/2023	Matawang Kripto	36
42/2023	Pindah Milik Tanah di Malaysia Melibatkan Proses Undang-Undang.....	37
43/2023	Apakah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010?	38
44/2023	Perbezaan Antara Sewa dan Pajak.....	39
47/2023	Jauhi Rasuah	40
48/2023	Hindar dari Menyebar Berita Palsu.....	41
49/2023	Apa itu Keldai Akaun?.....	42
50/2023	Jadilah Peminjam yang Bijak & Elakkan dari Ditipu	43
51/2023	7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi	44
53/2023	Bagaimana Pecah Kontrak Berlaku?	45
54/2023	Apa itu Pecah Kontrak Perkhidmatan?	45
55/2023	Kepentingan Klausula dalam Kontrak: “Masa adalah Intipati Kontrak”.....	46
56/2023	Pastikan dalam apa Jua Suratcara yang Dimeterai	47
57/2023	Kuasa Lembaga Pengarah v Kuasa Senat.....	48
58/2023	Kuasa Lembaga Pengarah v Kuasa Senat.....	49
59/2023	Kesan Rasuah & Salah Guna Kuasa dalam Organisasi.....	50
61/2023	Kuorum (Bahagian 1).....	51
62/2023	Kuorum (Bahagian II).....	52
63/2023	Info Guaman: Memilih Peguam	53
64/2023	Apa itu Plagiat?	54
65/2023	Apa itu Akuan Bersumpah?	55
67/2023	Canselor	56
68/2023	Info Guaman: Maxim Perundangan	57
69/2023	Pro-Canselor	58
70/2023	Apa Maksud “JID”?.....	59

SEKAPUR *Sireh*

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Assalamualaikum wrt. wbt. & Salam Sejahtera

Pertamanya dipanjatkan segala puji ke hadrat Allah swt dengan izinNya, Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) buat kali keduanya dapat menyediakan buku "Koleksi Info PUU 2023" yang telah dikeluarkan melalui medium email 'Info UTeM' sepanjang tahun 2023.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, warga PUU menggunakan peluang sebaik mungkin untuk berkongsi pelbagai cabang ilmu undang-undang bersama warga UTeM. Perkongsian ilmu ini disediakan dalam bentuk poster/infografik bagi menarik minat membaca dalam kalangan warga UTeM.

Besar harapan kami agar buku 'Koleksi Info PUU 2023' ini dapat memberikan manfaat kepada warga UTeM dalam menjalani kehidupan dan tugas harian. Insyallah Pejabat PUU akan terus komited untuk berkongsi ilmu undang-undang untuk tahun-tahun mendatang.

Terima kasih.



ENCIK MOHD NIZAM BIN PAVEL
PENASIHAT UNDANG-UNDANG

AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB & SURCAJ) 2000

ISYTIHAR HARTA

- Semak bila kali terakhir isytihar harta.
- Semakan boleh dibuat di Portal UTeM.
- Elakkan permohonan di saat akhir.

KERJA LUAR

- Staf yang menjalankan pekerjaan luar perlu membuat permohonan pekerjaan luar.
- Borang boleh dimuat turun di laman sesawang Canselori.

PEMILIKAN PERNIAGAAN/KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT

- Staf yang memiliki sebarang perniagaan/kepentingan dalam syarikat perlu membuat permohonan pemilikan perniagaan atau kepentingan dalam syarikat melalui borang yang boleh dimuat turun di laman sesawang Canselori.

PERISYTIHARAN HARTA

Mengapa?

Arahan di bawah Peraturan 9, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

Bila?

- Kali pertama memasuki perkhidmatan
- Sebarang tambahan/pelupusan harta
- Setiap 5 tahun (jika tiada perubahan harta)

Jenis harta?

- Harta alih - kenderaan, wang simpanan, dll
- Harta tak alih - rumah, tanah, dll

INFORMASI UNDANG-UNDANG SIVIL:
TUNTUTAN KECIL DI MAHKAMAH

Ada orang berhutang dengan aku RM3500 lah. Nak lantik peguam, macam tak berbaloi. Agaknya, boleh tak aku tuntutan sendiri di Mahkamah tanpa peguam?

Boleh!!

Di bawah Aturan 95 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ia membenarkan mana-mana pihak untuk membuat tuntutan kecil daripada satu pihak yang lain bagi amaun tidak melebihi RM5000 tanpa diwakili oleh peguam.



PROSEDUR ATAU CARA MEMBUAT TUNTUTAN KECIL DI MAHKAMAH?

ISI BORANG 198

Isi dan tandatangan **Borang 198** yang disediakan di Mahkamah dalam 4 salinan dan nyatakan amaun dan butiran tuntutan berserta tarikh relevan, tandatangan dan cap jari penuntut (plaintiff).

01

PEMFAILAN

Failkan **Borang 198** tersebut dalam 4 salinan di Pejabat Pendaftaran bagi Mahkamah Majistret dengan fi sebanyak **RM20.00**. Tarikh pendengaran akan diberikan selepas **Borang 198** tersebut dimeterai.

02

PENYAMPAIAN

Borang 198 yang telah difailkan perlu disampaikan secara peribadi atau melalui pos berdaftar prabayar yang dialamatkan kepada alamat terakhir orang yang dituntut (Defendan) yang diketahui.

03

PEMBELAAN

Defendan yang telah menerima **Borang 198** tersebut, bolehlah menjawab tuntutan tersebut melalui **Borang 199** dengan mengikut langkah 1, 2 & 3. Jawapan tersebut perlu difailkan & disampaikan kepada Plaintiff 14 hari selepas **Borang 198** disampaikan.

04

BORANG 199

Defendan perlu mengisi **Borang 199** dengan butir-butir tentang mengapa Defendan tuntutan tersebut. Jika Defendan mempunyai tuntutan balas, Defendan hendaklah menyatakan amaun & butiran tuntutan balas dalam **Borang 199** tersebut.

05

TUNTUTAN BALAS

Jika Defendan telah memfailkan tuntutan balas, Plaintiff boleh memfailkan suatu pembelaan kepada tuntutan balas tersebut melalui **Borang 200**.

06

PERBICARAAN

Plaintiff & Defendan hendaklah hadir di Mahkamah semasa tarikh perbicaraan.

Jika Defendan gagal hadir pada tarikh tersebut, Majistret akan memberikan penghakiman berserta kos.

Jika Plaintiff yang gagal hadir, maka Mahkamah boleh membatalkan tuntutan Plaintiff.

07

PERINTAH

Jika kedua-dua pihak hadir, Mahkamah akan mendengar hujahan mereka & memberikan keputusan melalui perintah Mahkamah.

Jika mana-mana pihak gagal untuk mematuhi perintah tersebut, maka pihak yang berjaya menuntut boleh memohon Mahkamah supaya Penghutang Penghakiman (Defendan) membayar secara ansuran atau hartanya disita/dijual atau jika perlu, dipenjarakan.

08

INFO PEJABAT PUU
Bil. 4/2023 (BGKU)

Pegawai yang dibenarkan MEMEGANG atau MENYIMPAN KAD PENGENALAN

INFO PEJABAT PUU BIL. 7/2023 (BIP)

Adakah Anda Tahu?

Memegang atau menyimpan kad pengenalan orang lain adalah menjadi satu kesalahan, kecuali bagi pegawai yang diberi kuasa mengikut [Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990](#).



PEGAWAI YANG DIBERI KUASA


Peraturan 7, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990

- ✓ Pegawai Polis
- ✓ Pegawai Kastam
- ✓ Pegawai Pendaftaran
- ✓ Mana-mana pegawai awam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah
- ✓ Anggota tentera yang bertugas menjaga & mengawas

Jika disabit kesalahan boleh dipenjarakan tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya sekali

Peraturan 25, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990

DUTI SETEM: TEMPOH PENYETEMAN



SURAT CARA PERLU DISETEMKAN:

Dalam tempoh

30 hari

selepas ia pertama kali
diterima
dalam Malaysia sekiranya
ia **disempurnakan di luar**
Malaysia

Dalam tempoh

30 hari

dari tarikh
ia **disempurnakan/
ditandatangani**
dalam Malaysia

Sumber maklumat: Lembaga Hasil Dalam Negeri

 PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTAM  puu_utam
INFO PEJABAT PUU BIL.11/2023 (BPPK)

SENARAI SEMAK DOKUMEN/SURATCARA



Pastikan dokumen/suratcara mempunyai tarikh.

Pastikan dokumen/suratcara bertandatangan.

Pastikan amaun di dalam dokumen/suratcara adalah tepat (jika ada).



Sentiasa membuat pemantauan tempoh dokumen/suratcara (jika ada).

Pastikan dokumen/suratcara disimpan di tempat yang sesuai dan selamat.

Sentiasa menjaga kerahsiaan dokumen/suratcara.



Info Pejabat PUU
BIL 12/2023 (BPRC)

Harta Intelek

dan Undang-Undang Berkaitan

INFO PEJABAT PUU BIL. 13/2023 (BIP)

PATEN

(Hak eksklusif bagi rekacipta baharu untuk produk/ proses)

AKTA PATEN 1983

HAK CIPTA

(Karya sastera, muzik, seni, rakaman bunyi, filem dan penyiaran)

AKTA HAK CIPTA 1987

REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU

(Susunan tiga dimensi unsur suatu litar bersepadu)

AKTA REKA BENTUK SUSUN ATUR LITAR BERSEPADU 2000

CAP DAGANGAN

(Logo, gambar, nama, huruf/ nombor bagi pengenalan barangan/ perkhidmatan)

AKTA CAP DAGANGAN 2019

REKA BENTUK PERINDUSTRIAN

(Rupa bentuk luaran barang siap yang unik & menarik)

AKTA REKA BENTUK PERINDUSTRIAN 1996

PETUNJUK GEOGRAFI

(Tanda yg digunakan pada produk kerana mempunyai kualiti yang boleh dikaitkan dengan kawasan berkenaan)

AKTA PETUNJUK GEOGRAFI 2000



AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015 (SEKSYEN 15)


FINISH

Aktiviti melibatkan haiwan yang memerlukan lesen



1 Penginapan
haiwan

2 Penyelamatan
& Pemulihan Haiwan



3 Haiwan
persembahan

4 Aktiviti berhubung tempat
perlindungan & Pengurangan
haiwan




5 Penyelidikan haiwan &
Pengajaran haiwan

6 Kuarantin haiwan



7 Pembiakan haiwan

8 Latihan haiwan



9 Menunggang dan
mengepung haiwan

10 Aktiviti jualan
haiwan hidup dalam
kurungan

11 Kawalan haiwan
terbiar oleh mana-
mana

12 Pelupusan haiwan

START

INFO PEJABAT PUU
BIL. 14/2023 (PG)

individu/organisasi/
badan korporat



CONFIDENTIAL

APA ITU "RAHSIA RASMI"?



AKTA RAHSIA RASMI 1972

suratan/maklumat/
bahan yang
dikelaskan kepada
mana-mana
ketegori berikut:-

CONFIDENTIAL

1 TERHAD

2 SULIT

3 RAHSIA

4 RAHSIA BESAR



Info Pejabat PUU
BIL 16/2023 (BPRC)

Duti Setem: STATUS TUNTUTAN PEMBAYARAN NOTIS TAKSIRAN

1

DOKUMEN PERSENDIRIAN MELIBATKAN UNIVERSITI

Bayaran taksiran **DITANGGUNG SEPENUHNYA OLEH STAF** dan tidak boleh membuat tuntutan bayaran ke atas Universiti.

Contoh dokumen persendirian: Perjanjian Pegawai Kontrak/ Akaun Sumpah/ Skim Pinjaman Komputer UTeM/ Perjanjian Cuti Belajar/ Post-Doctoral Agreement dan lain-lain.

2

DOKUMEN RASMI UTEM

Bayaran taksiran **DITANGGUNG OLEH UNIVERSITI** dan boleh mengemukakan permohonan pembayaran kepada Zon Kewangan melalui kaedah berikut:

- i. Bayaran dalam talian menggunakan FPX (Akaun Korporat - B2B);
- ii. Tuntutan bayaran balik; atau
- iii. Petty cash.

Contoh dokumen rasmi UTeM: Memorandum of Understanding (MoU)/ Memorandum of Agreement (MoA)/ Perjanjian Penyewaan Rumah Felo/ Perjanjian Kontrak Internet UTeM dan lain-lain.

PENGURUSAN DUTI SETEM DILAKSANAKAN OLEH PENYELARAS STAMPS PEJABAT YANG DILANTIK



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTeM



puu_utem

INFO PEJABAT PUU BIL.17/2023 (BPPK)

"MENJAJAR UNIVERSITI,
MELONJAK KE HADAPAN"

Wajibkah majikan atau syarikat membuat caruman KWSP terhadap pekerja sambilan ?

WAJIB!

Majikan wajib membayar caruman bagi setiap orang yang memberikan perkhidmatan kepada majikan tidak kira apa status jawatan tersebut samaada mempunyai kontrak perkhidmatan atau tidak, tetap atau kontrak atau sambilan atau separuh masa termasuklah orang yang melakukan praktikal/latihan industri kerana mereka dianggap sebagai pekerja.

Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991

Seksyen 2 Akta memperuntukkan:

*"pekerja" ertinya mana-mana orang, yang bukannya orang yang perihalnya dinyatakan dalam Jadual Pertama, yang diambil bekerja di bawah suatu kontrak perkhidmatan atau **perantisan**, sama ada secara bertulis atau lisan dan sama ada nyata atau tersirat untuk bekerja bagi sesuatu majikan;"*

Buku Panduan Majikan KWSP

sub-perenggan 3.1.1(ii) Buku Panduan menerangkan kontrak perantisan:

"kontrak perantisan" ertinya sesuatu kontrak bertulis yang dibuat oleh seseorang dengan seorang majikan yang mangakujanji untuk mengambil kerja orang itu dan melatih atau menyebabkannya dilatih secara sistematik bagi sesuatu pekerjaan selama suatu tempoh tertentu yang diluluskan majikan yang dalam perjalanan latihan itu perantis itu terikat untuk bekerja dalam perkhidmatan majikan itu.

sub-perenggan 3.2.1(i) Buku Panduan menyenaraikan definisi pekerja adalah termasuk -

"pekerja tetap, kontrak, sambilan, sementara dan pekerja dalam tempoh percubaan"

JIKA GAGAL!

Kegagalan majikan mencarum dan memotong gaji pekerja untuk dicarum ke dalam KWSP merupakan satu kesalahan undang-undang jenayah dan sivil



Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991

Seksyen 43(2) Akta memperuntukkan hukuman bagi kegagalan majikan mencarum iaitu:


*"Mana-mana orang yang menjadi seorang majikan yang gagal, dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, untuk membayar kepada Kumpulan Wang apa-apa caruman yang dia bertanggungjawab di bawah Akta ini untuk membayar berkenaan dengan atau bagi pihak mana-mana pekerja berkenaan dengan mana-mana bulan melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh **dipenjarakan selama satu tempoh yang tidak melebihi tiga tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya**"*

Seksyen 65 (1) Akta memperuntukkan hak KWSP untuk memulakan saman dan menuntut tunggakan caruman iaitu:

"Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain kesemua caruman yang kena dibayar di bawah Akta ini boleh, tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain, didapatkan kembali oleh Lembaga secara terus sebagai hutang sivil"

Kesimpulannya, majikan mestilah membayar caruman bagi setiap orang yang memberikan perkhidmatan mereka kepada majikan tidak kira apa status jawatan tersebut dan tidak mengira samaada pekerja tersebut diberi kontrak perkhidmatan bertulis atau tidak, termasuklah seseorang yang melakukan praktikal atau latihan industri.

INFO PEJABAT PUU BIL.18/2023 (BGKU)



TAHUKAH ANDA ?



Seseorang pegawai tidak boleh menerbitkan atau menulis apa-apa buku, makalah atau karya lain berasaskan maklumat rasmi terperingkat.

INFO PEJABAT PUU
BIL 20/2023 (BPRC)

TAHUKAH ANDA?



Tafsiran cukai pendapatan: Cukai yang dikenakan pada setiap tahun terhadap seseorang yang menerima pendapatan bersifat hasil.

Cukai pendapatan dikenakan terhadap setiap individu bagi pendapatan yang diperolehi dari Malaysia atau diterima di Malaysia dari luar Malaysia.

*Individu bermastautin dikenakan cukai mengikut kadar cukai berskala serta layak menuntut potongan menurut seksyen 45A ACP hingga seksyen 49 ACP. Manakala individu bukan pemastautin dikenakan cukai pada kadar tetap 30% dan tidak layak menikmati sebarang potongan.

Sumber maklumat: Lembaga Hasil Dalam Negeri

"Jaga Tepi Kain Orang"

INFO PEJABAT PUU BIL. 22/2023 (BIP)

Jika seseorang **pegawai tidak hadir bertugas** tanpa cuti atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran atau tanpa sebab yang munasabah, **Ketua Jabatannya HENDAKLAH**, secepat yang mungkin, melaporkan hakikat itu berserta dengan tarikh-tarikh dan hal keadaan ketidakhadiran itu dan apa-apa maklumat selanjutnya berkenaan dengan ketidakhadiran itu kepada Jawatankuasa Tatatertib yang berkenaan.

Peraturan 24 (1), Bahagian III, Jadual Kedua, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

PERATURAN PENGGUNAAN CERMIN GELAP PERATUS KETELUSAN CAHAYA (VLT)

CERMIN BELAKANG
PELBAGAI %

CERMIN DEPAN
70%

CERMIN PENUMPANG
BELAKANG
PELBAGAI %

CERMIN SISI
PEMANDU
50%



KAEDAH-KAEDAH
KENDERAAN MOTOR
(LARANGAN MENGENAI
JENIS-JENIS KACA
TERTENTU) PINDAAN
2016



INFO PEJ. PUU
BIL. 23/2023 (BG)

STAF YANG TERLIBAT DENGAN PROSIDING JENAYAH

Tatacara jika prosiding jenayah telah dimulakan terhadap seseorang Staf

Peraturan 27, Bahagian IV, Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]

INFO PEJABAT PUU BIL. 24/2023 (BIP)

1

Staf yang terlibat mana-mana prosiding jenayah terhadapnya perlu segera memaklumkan kepada Ketua Jabatan.

2

Ketua Jabatan dapatkan laporan prosiding daripada Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar mahkamah yang mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) pertuduhan terhadap Staf itu;
- (b) jika staf itu telah ditangkap, tarikh dari waktu penangkapannya;
- (c) sama ada atau tidak Staf itu diikat jamin; dan
- (d) apa-apa maklumat lain yang berkaitan.

4

Jawatankuasa Tatatertib akan menimbang laporan prosiding jenayah dan perakuan Ketua Jabatan. Jika difikirkan sesuai, Staf akan ditahan daripada menjalankan tugasnya.

3

Ketua Jabatan kemukakan kepada Pejabat PUU selaku Urus Setia Jawatankuasa Tatatertib :

- (a) Laporan prosiding jenayah; dan
- (b) Perakuan Ketua Jabatan sama ada atau tidak Staf itu patut ditahan kerja.

5

Sebaik selesai prosiding jenayah ke atas Staf, Ketua Jabatan perlu mendapatkan daripada Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar mahkamah:

- (a) Keputusan Mahkamah; dan
- (b) maklumat berhubung dengan rayuan (jika ada)

6

Ketua Jabatan perlu kemukakan Keputusan Mahkamah kepada Pejabat PUU selaku Urus Setia Jawatankuasa Tatatertib untuk dibawa ke Jawatankuasa Tatatertib selanjutnya.



4 KESALAHAN UTAMA RASUAH DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH 2009



Meminta/menerima rasuah.



Memberi/menawar rasuah.



Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan.



Membuat tuntutan palsu.

INFO PEJABAT PUU
BIL 25/2023 (BPRC)

Kewajipan Mengisytihar Pekerjaan Luar dan Harta

INFO PEJABAT PUU BIL. 26/2023 (BIP)

PEKERJAAN LUAR

Seseorang pegawai boleh menjalankan mana-mana aktiviti pekerjaan luar dengan syarat terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatannya.

Pekerjaan luar yang dijalankan boleh sama ada:

- bagi faedahnya; atau
- bagi faedah saudara-maranya yang dekat; atau
- bagi faedah mana-mana badan tidak mencari keuntungan yang baginya dia menjadi seorang pemegang jawatan.

Peraturan 4 (2), Bahagian II, Jadual Kedua,
Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

Kriteria pertimbangan untuk kelulusan menjalankan pekerjaan luar:

- 1 Tidak dilakukan dalam waktu pejabat dan semasa pegawai itu dikehendaki melaksanakan tugas rasminya;
- 2 Tidak akan dengan apa-apa cara cenderung menjejaskan kebergunaan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun; dan
- 3 Tidak akan dengan apa-apa cara cenderung bercanggah dengan kepentingan badan berkanun, atau menjadi tidak selaras dengan kedudukan pegawai itu sebagai seorang pegawai badan berkanun.

Peraturan 4 (3), Bahagian II, Jadual Kedua,
Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

PERISYTIHARAN HARTA

Apabila dilantik ke perkhidmatan sesuatu badan berkanun atau pada bila-bila masa selepas itu sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga, seseorang staf hendaklah mengisytiharkan secara bertulis kepada Jawatankuasa Tatatertib, melalui Ketua Jabatannya, harta-harta sebagaimana berikut:

- segala harta yang dipunyai olehnya; atau
- segala harta yang dipunyai oleh isteri atau suaminya; atau
- segala harta yang dipunyai oleh anaknya; atau
- segala harta yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi isteri atau suaminya atau anaknya.

Seseorang pegawai yang tidak mempunyai apa-apa harta hendaklah membuat perisytiharan secara bertulis yang menyatakan sedemikian.

Selepas sesuatu perisytiharan harta dibuat dan harta itu kemudiannya dilupuskan, maka seseorang pegawai hendaklah dengan kadar segera, melalui Ketua Jabatannya, mengisytiharkan pelupusan harta itu kepada Jawatankuasa Tatatertib.

Peraturan 9 (1), (2), (3) Bahagian II, Jadual Kedua,
Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

Cara-cara memohon:

Perisytiharan Pekerjaan Luar

Permohonan pekerjaan luar boleh dilakukan dengan mengisi borang permohonan pekerjaan luar yang boleh didapati di laman web cancellori <https://cancellori.utem.edu.my/ms/muatturun-puu/integrity-guidelines-and-forms.html>

Perisytiharan Harta

Permohonan perisytiharan harta boleh dilakukan di Submodul Sistem Isytihar Harta, Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM)

Untuk pertanyaan lanjut:

Bahagian Integriti & Pentadbiran (BIP)

06 - 270 4570 - Muhamad Amirul

06 - 270 4316 - Nabilah Hanani

INFO PEJABAT PUU BIL.30/2023

PENALTI LEWAT PENYETEMAN


SILA AMBIL MAKLUM!

1. Surat cara hendaklah disetamkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia atau dalam tempoh 30 hari selepas ia diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia.
2. Sekiranya ia tidak disetamkan dalam tempoh yang ditetapkan, penalti yang dikenakan berdasarkan tempoh kelewatan seperti berikut;

 **RM25.00 ATAU 5% DARI DUTI SETEM YANG TERKURANG YANG MANA LEBIH TINGGI DALAM TEMPOH 3 BULAN SELEPAS TEMPOH PENYETEMAN.**

 **RM50.00 ATAU 10% DARI DUTI SETEM YANG TERKURANG YANG MANA LEBIH TINGGI SELEPAS 3 BULAN TETAPI TIDAK LEWAT DARIPADA 6 BULAN SELEPAS TEMPOH PENYETEMAN.**

 **RM100.00 ATAU 20% DARI DUTI SETEM YANG TERKURANG YANG MANA LEBIH TINGGI MELEBIHI 6 BULAN SELEPAS TEMPOH PENYETEMAN.**



**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH
DIKENAKAN KEPADA PIHAK YANG
TERLIBAT DALAM PENIPUAN ATAU
PEMALSUAN DUTI SETEM**

SUMBER MAKLUMAT:

Lembaga Hasil Dalam Negeri



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM



puu_utm

TAHUKAH ANDA ?



Anda boleh membuat permohonan perisytiharan harta pada bila-bila masa tanpa perlu menunggu 5 tahun sekiranya terdapat pertambahan harta, pelupusan harta atau kedua-duanya.

INFO PEJABAT PUU
BIL. 31/2023 (BPRC)

4 LANGKAH MUDAH ISYTIHAR HARTA



LANGKAH 01
DAFTAR MASUK KE PORTAL.



LANGKAH 02
**ISI MAKLUMAT & MUAT NAIK
DOKUMEN**




LANGKAH 03
**SEMAK MAKLUMAT
YANG DIISI**



LANGKAH 04
HANTAR

INFO PEJABAT PUU
BIL 32/2023 (BPRC)



**INFO PEJABAT PUU
BIL 33/2023 (BPRC)**



"Pusat Jagaan Berdaftar" adalah satu pusat jagaan yang didaftarkan di bawah peruntukan Seksyen 6, Akta 506.

Seksyen 5(1), Akta 506 memperuntukkan, **tiada seorang pun boleh mengendalikan atau mengambil bahagian dalam pengurusan suatu pusat jagaan yang tidak didaftarkan** di bawah Akta ini. Mana-mana orang yang melanggar peruntukan subseksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah peruntukan Seksyen 5 (2), Akta 506 dan **boleh didenda sehingga RM10,000.00 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali.**

INFO PEJABAT PUU | BIL. 34/2023 (BG)

PANDUAN MUAT NAIK DOKUMEN BAGI TUJUAN PERISYTIHARAN HARTA



RUMAH YG SEDANG DIBINA SAMA ADA DIBELI DARI PEMAJU/DIBINA DI LOT TANAH INDIVIDU

- Salinan perjanjian jual beli.
- Maklumat harta yang dimasukkan di portal mesti sama sepertimana di dalam perjanjian jual beli.

RUMAH YG TELAH SIAP DIBINA SAMA ADA DIBELI DARI PEMAJU/DIBINA DI LOT TANAH INDIVIDU

- Salinan cukai pintu atau cukai tanah.
- Maklumat harta yang dimasukkan di portal mesti sama sepertimana di dalam cukai pintu atau cukai tanah.

TANAH KOSONG

- Salinan cukai tanah.
- Maklumat tanah yang dimasukkan di portal mesti sama sepertimana di dalam cukai tanah.

AKAUN SIMPANAN/SEMASA/SAHAM

- Salinan muka surat maklumat akaun dan jumlah terkini simpanan/semasa/saham.
- Maklumat dan jumlah terkini yang dimasukkan di portal mesti sama sepertimana maklumat di dalam akaun simpanan/semasa/saham.

KENDERAAN (MOTORSIKAL, KERETA, VAN, LORI, DLL)

- Salinan geran kenderaan atau cover note insurans.
- Maklumat kenderaan yang dimasukkan di portal mesti sama sepertimana maklumat di dalam geran kenderaan atau cover note insurans.

Info Pejabat PUU
BIL 35/2023 (BPRC)

Tahukah anda?

Anda boleh didakwa jika menyebarkan maklumat/berita palsu. Pastikan ianya dari sumber yang sah.

"Gunakan media sosial dengan berhemah"



INFO PEJABAT PUU
BIL 36/2023 (BPRC)



TAHUKAH ANDA?



Pegawai yang gagal menjalankan pengawasan tatatertib ke atas pegawai-pegawai bawahannya, boleh dikenakan tindakan tatatertib.

INFO PEJABAT PUU
BIL 37/2023 (BPRC)



APAKAH PERBEZAAN ANTARA STATUT, KAEDAH DAN PERATURAN?

Statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan adalah undang-undang subsidiari yang boleh dibuat oleh Universiti di bawah Perlembagaan Universiti.

Statut

Statut dibuat oleh Canselor di bawah **Seksyen 35 Perlembagaan Universiti** bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam **seksyen 34 Perlembagaan Universiti**.

Kaedah-kaedah

Kaedah-kaedah boleh dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) di bawah **seksyen 37 Perlembagaan Universiti** bagi perkara-perkara yang dinyatakan dalam **seksyen 36 Perlembagaan Universiti**.

Peraturan-peraturan

Peraturan-peraturan boleh dibuat oleh Lembaga, Senat atau mana-mana Pihak Berkuasa Universiti sepertimana diperuntukkan di bawah **seksyen 38 Perlembagaan Universiti**.

Info PUU Bil. 38/2023 (BGKU)

INFO PEJABAT PUU BIL.39/2023 (BPPK)

DUTI SETEM

Duti Setem adalah duti yang dikenakan ke atas dokumen / surat cara di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949 yang mempunyai kesan perundangan, komersial atau kewangan.



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM



PUU_UTEM

MATAWANG KRIPTO

DIKENALI SEBAGAI ASET DIGITAL DI BAWAH AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

DIKAWAL SELIA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA (SC) MELALUI WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN 14 JANUARI 2019

WASPADA JENAYAH MATAWANG KRIPTO

- 01 TIPU PELABURAN
- 02 TIPU JUAL BELI MATAWANG KRIPTO
- 03 KELDAI MATAWANG KRIPTO
- 04 PENGODAMAN WALLET MATAWANG KRIPTO
- 05 PENGODAMAN DAX
- 06 JENAYAH PEMERASAN

4 SYARIKAT DIGITAL EXCHANGER DILULUSKAN PENDAFTARAN UNTUK URUS NIAGA DI MALAYSIA

- 1 LUNO MALAYSIA SDN. BHD.
- 2 SINEGY DAX (M) SDN. BHD.
- 3 TOKENIZE TECHNOLOGY (M) SDN. BHD.
- 4 MX GLOBAL SDN. BHD.

JENIS MATAWANG KRIPTO DILULUSKAN DI MALAYSIA

- 1 BITCOIN (BTC)
- 2 ETHEREUM (ETH)
- 3 RIPPLE (XRP)
- 4 SOLANA (SOL)
- 5 LITECOIN (LTC)
- 6 BITCOIN CASH (BCH)
- 7 CARDANO (ADA)
- 8 CHAINLINK (LINK)
- 9 UNISWAP (UNI)

INFO PEJABAT PUU | BIL. 40/2023 (BG)

Pindah milik tanah di Malaysia melibatkan proses undang-undang. Berikut ringkasan proses yang terlibat:

- 1**

Libatkan peguam

Mulakan dengan melantik peguamcara bertauliah yang pakar dalam urus niaga hartanah. Mereka akan membimbing anda melalui proses dan memastikan semua keperluan undang-undang dipenuhi.
- 2**

Lakukan carian tanah

Lakukan carian tanah di Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Tanah untuk mengesahkan status tanah, menyemak sebarang bebanan dan mendapatkan maklumat yang diperlukan.
- 3**

Sediakan dokumen yang diperlukan

Dokumen yang diperlukan biasanya -

 - Perjanjian Jual Beli: Perjanjian ini menggariskan terma dan syarat pemindahan tanah antara pembeli dan penjual
 - Memorandum Pindahmilik: Dokumen ini memindahkan pemilikan sah daripada penjual kepada pembeli
 - Dokumen persetujuan: Dalam kes tertentu, seperti pemindahan tanah Bumiputera, persetujuan daripada pihak berkuasa yang berkaitan mungkin diperlukan
 - Dokumen sokongan lain: Ini mungkin termasuk bukti pengenalan diri, dokumen hak milik tanah dan sijil lain yang berkaitan.
- 4**

Penilaian duti setem

Dapatkan penilaian duti setem daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Bayar yuran duti setem berdasarkan nilai tanah dan jumlah balasan yang dinyatakan dalam Perjanjian Jual Beli.
- 5**

Perlaksanaan Perjanjian Jual Beli

Kedua-dua pembeli dan penjual hendaklah menandatangani Perjanjian Jual Beli dengan kehadiran saksi. Peguam cara akan menyelia proses ini. Kebiasaannya peguamcara juga akan tandatangan sebagai saksi.
- 6**

Memohon pindah milik di Pejabat Tanah

Serahkan Memorandum Pindahmilik yang lengkap, Perjanjian Jual Beli yang dicop, dan dokumen lain yang diperlukan kepada Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Tanah di mana tanah itu terletak.
- 7**

Pembayaran yuran pindah milik dan lain-lain

Bayar yuran pindahmilik, yuran pendaftaran dan cukai yang diperlukan di Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Tanah
- 8**

Pendaftaran pindah milik

Selepas pembayaran, permohonan diproses, Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Tanah akan mendaftarkan pemindahan hak milik tanah. Setelah didaftarkan, pembeli menjadi pemilik sah tanah tersebut.

Adalah penting untuk ambil perhatian bahawa proses pindah milik tanah mungkin berbeza-beza bergantung pada negeri di Malaysia dan keadaan khusus transaksi tersebut. Penglibatan peguam yang mempunyai kepakaran dalam urus niaga tanah adalah penting untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan tempatan.

APAKAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("APDP")




APDP telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 2010 untuk mengawal selia pemrosesan data peribadi individu dalam transaksi komersial.

APA ITU DATA PERIBADI

Sebarang maklumat yang boleh digunakan secara langsung atau tidak langsung untuk mengenal pasti individu (Subjek data)

ANTARA MAKLUMAT MENGENAL DIRI INDIVIDU :



DATA PERIBADI SENSITIF



1 KESIHATAN, KEADAAN FIZIKAL ATAU MENTAL SESEORANG INDIVIDU

2 KEPERCAYAAN AGAMA DAN KEPERCAYAAN LAIN YANG BERSIFAT SEUMPAMANYA



3 PENDAPAT POLITIK

4 PERLAKUAN APA-APA KESALAHAN OLEH INDIVIDU



INFO PEJABAT PUU BIL. 43/2023 (BG)



Perbezaan Antara Sewa dan Pajak

Nampaknya, masih ramai yang masih keliru antara SEWA dan PAJAK. Masih ada yang beranggapan kedua-duanya adalah sama. Sebenarnya, ia hampir sama tetapi tidak serupa. Kedua-dua urusan ini ada termaktub di dalam Kanun Tanah Negara ('National Land Code'). Di bawah ini, disenaraikan perbezaan di antara SEWAAN dan PAJAKAN.

SEWAAN

Kaedah Sewaan diperuntukkan di bawah Seksyen 223, Kanun Tanah Negara.

Tempoh sesuatu sewaan hanya boleh dibuat untuk suatu tempoh maksimum selama 3 TAHUN sahaja

Sewaan tidak perlu didaftarkan di Pejabat Tanah, memadai hanya menandatangani Perjanjian Sewaan sahaja.

Perjanjian Sewaan boleh dibuat secara lisan atau bertulis, namun dinasihatkan untuk memasuki perjanjian bertulis bagi mengelakkan sebarang pertikaian

Sewaan adalah lebih fleksibel dimana syarat bayaran, kadar bayaran dan tujuan sewaan lebih mudah diubah. Bayaran sewaan dibuat dari bulan ke bulan.

PAJAKAN

Kaedah Pajakan diperuntukkan di bawah Seksyen 221, Kanun Tanah Negara.

Tempoh sesuatu pajakan adalah apabila lanya **MELEBIHI TEMPOH 3 TAHUN** dan tempoh maksimum bagi sesuatu pajakan adalah selama 99 TAHUN.

Pajakan wajib didaftarkan di Pejabat Tanah menggunakan Borang 15A. Jika selepas menandatangani Perjanjian Pajakan, transaksi ini tidak didaftarkan, maka pajakan itu tidak sah dan tidak dilindungi di bawah undang-undang.

Secara amnya, bayaran pajakan dibuat adalah setiap tahun. Namun, boleh juga dibuat bulan ke bulan. Oleh kerana tempoh pajakan adalah lama dan ia didaftarkan di Pejabat Tanah, tuan tanah tidak boleh menaikkan kadar pajakan dan mengubah syarat/tujuan pajakan dalam tempoh pajakan.

Jadi, selepas ini, ingat ye.. jika tempohnya kurang atau tidak lebih 3 tahun, ia adalah sewaan. Jika, lebih dari 3 tahun, ia adalah pajakan.

INFO PEJABAT PUU BIL. 44/2023 (BGKU)

JAUHI RASUAH

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai dorongan untuk seseorang itu melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

↓ “SUAPAN”

1. Hadiah
2. Perkhidmatan
3. Jawatan
4. Undi
5. Bonus
6. Diskaun
7. Upah
8. Wang

Hukuman di bawah Seksyen 24, Akta SPRM 2009 :

Didenda tidak kurang daripada 5 kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu juka suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang, atau RM10,000.00 mengikut mana-mana yang lebih tinggi

DAN

Dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun

29 Sept 2023

INFO PUU BIL. 48/2023 (BPPK)

HINDAR DARI MENYEBAR BERITA PALSU

HINDARI BERITA PALSU

- Jangan mudah terpedaya dengan e-mel, mesej dan maklumat yang diterima .
- Siasat latar belakang pengirim e-mel, mesej dan maklumat atau penyebar maklumat.
- Siasat latar belakang pengirim e-mel, mesej dan maklumat atau penyebar maklumat.
- Jika tidak pasti, jangan kongsi! semak maklumat sahih di <https://sebenarnya.my>

Menyebarkan berita palsu merupakan kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia (AKM) 1998



CARA MENGHINDARI BERITA PALSU

- Sentiasa periksa kesahihan e-mel, mesej dan maklumat tersebut.
- Pastikan e-mel, maklumat dan mesej dari sumber yang dipercayai (seperti pihak berkuasa atau individu yang ada kredibiliti)



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM



puu_utom



APA ITU KELDAI AKAUN?



Individu yang membenarkan akaun bank peribadi mereka digunakan orang lain untuk transaksi kewangan tidak sah / menyalahi undang-undang



PEMILIK AKAUN KELDAI BOLEH DIDAKWA!

Antara undang-undang yang dikuatkuasakan di Malaysia :

SEKSYEN 109 KANUN KESEKSAAN

Menyubahati sesuatu perkara

SEKSYEN 411 KANUN KESEKSAAN

Terima harta dengan curang

SEKSYEN 120B KANUN KESEKSAAN

Pakat jahat jenayah

SEKSYEN 424 KANUN KESEKSAAN

Mengalih/sembunyi-kan harta dengan curangnya dengan tipuan

SEKSYEN 137 AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN


Larangan terima deposit

SEKSYEN 420 KANUN KESEKSAAN

Menipu dengan curangnya mendorong supaya harta diserahkan

SEKSYEN 4(1) AMLARFPUA 2 2001

Kesalahan penggubalan wang haram



**JADILAH
PEMINJAM
YANG BIJAK &
ELAKKAN
DARI DITIPU!!!**



Lesen syarikat Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai di Malaysia dikeluarkan oleh Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai, KPKT

Bukannya dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia

Peruntukan Undang-undang di bawah BKKK Kredit Komuniti:

- Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400];
- Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003;
- Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Pengkompanaan Kesalahan) (Pindaan) 2003; dan
- Peraturan-peraturan Pemberi Pinjam Wang (Pengkompanaan Kesalahan) (Pindaan) 2018

Pemegang Pajak Gadai:

- Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81];
- Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Pelesenan) 2004; dan
- Peraturan-Peraturan Pemegang Pajak Gadai (Pengkompanaan Kesalahan) 2018.

Untuk maklumat lanjut, sila layari:
<https://emaps.kpkt.gov.my/emaps>

PERLINDUNGAN DATA PERIBADI (AKTA 709)

7 PRINSIP PERLINDUNGAN

7 Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang wajib dipatuhi di bawah seksyen 5(1) dalam Akta 709 (Akta Perlindungan Data) ini demi menjaga keutuhan data peribadi :-



1

- Pertama - **Prinsip Am** di mana seseorang pengguna tidak dibenarkan memproses data peribadi seseorang lain tanpa kebenarannya. Pengertian proses di sini harus dimengertikan sebagai mengendalikan data melalui cara atau kaedah automatik atau pengkomputeran atau apa-apa proses lain.

2

- Kedua - mesti mematuhi **Prinsip Notis dan Pilihan** di mana maklumat dan tujuan awalan dimaklumkan kepada subjek data berkenaan.

3

- Ketiga - ialah **Prinsip Penzahiran** tujuan data peribadi seseorang subjek itu demi mengenal pasti maksud yang baginya data peribadi itu hendak dizahirkan.

4

- Keempat - **Prinsip Keselamatan** - apabila memproses data peribadi manamana subjek, mengambil langkah supaya data tersebut selamat, tidak diubahsuai, disalahguna atau diberikan kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan.

5

- Kelima - **Prinsip Penyimpanan**: sesuatu data peribadi itu tidak dibenarkan disimpan di dalam sesuatu pemrosesan lebih daripada had masa yang diperlukan.

6

- Keenam - **Prinsip Integriti Data** - setiap data peribadi dipastikan supaya tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini menepati maksud sesuatu data itu disimpan dan diproses.

7

- Ketujuh - **Prinsip Akses**: seseorang hendaklah diberi hak akses kepada data peribadinya yang dipegang oleh seseorang pengguna data dan juga boleh membetulkan datanya itu supaya terkini.



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM



puu_utm



Dirujuk :
<https://www.pdp.gov.my/jpdpv2/awam/prinsip-perindungan-data-peribadi/>



APAKAH ITU PECAH KONTRAK PERKHIDMATAN?

Pecah Kontrak Perkhidmatan Adalah Apabila Seseorang Pegawai Yang Masih Lagi Mempunyai Iktatan Kontrak Perkhidmatan Untuk Berkhidmat Dengan Universiti Bagi Beberapa Tempoh Yang Telah Ditetapkan Di Dalam Kontrak Bertindak Mengingkari Terma Dan Syarat Kontrak Tersebut. Maka, Pihak Universiti Mempunyai Hak Menuntut Ganti Rugi Atau Jika Gagal Membayar Ganti Rugi, Untuk Mengambil Tindakan Undang-undang Terhadap Pegawai Terbabit.

INFO PEJABAT PUU | BIL.54/2023 (BGKU)

KEPENTINGAN KLAUSA DALAM KONTRAK: “MASA ADALAH INTIPATI KONTRAK”

‘Time is of the essence’ atau ‘masa adalah intipati kontrak’ adalah peruntukan penting dalam kontrak yang menetapkan bahawa masa adalah faktor penting dalam pelaksanaan kontrak. Ini bermaksud bahawa jika pihak yang terlibat gagal memenuhi kewajipan mereka dalam tempoh yang ditetapkan, mereka boleh dianggap melanggar kontrak.



KEPENTINGANNYA KEPADA PIHAK-PIHAK:



Mengalakkan prestasi yang tepat pada waktunya: Peruntukan ini membantu memastikan bahawa semua pihak yang terlibat memahami kepentingan memenuhi kewajipan mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Ini membantu menggalakkan prestasi yang tepat pada waktunya dan memastikan bahawa projek atau tugas selesai dalam tempoh yang ditetapkan.



Mengurangkan risiko: Peruntukan ini membantu mengurangkan risiko kelewatan dan memastikan bahawa semua pihak yang terlibat memahami kepentingan memenuhi kewajipan mereka dalam tempoh yang ditetapkan. Ini membantu mengurangkan risiko kelewatan dan memastikan bahawa projek atau tugas selesai dalam tempoh yang ditetapkan.

Meningkatkan kepercayaan: Peruntukan ini membantu meningkatkan kepercayaan antara pihak-pihak yang terlibat dalam kontrak. Ini membantu menunjukkan bahawa semua pihak yang terlibat serius dalam melaksanakan kontrak dan memenuhi kewajipan mereka dalam tempoh yang ditetapkan.



PASTIKAN

Dalam apa jua surat cara yang dimeterai

Pertama



- Tarikh surat cara dimeterai (tarikh mula dan tamat, jika berkenaan)
- Amaun dan maklumat-maklumat penting yang perlu dimasukkan dalam sesuatu surat cara

Kedua

- Tandatangan
- Nama
- Jawatan penandatangan



Ketiga



- Mati setem (bagi surat cara yang memerlukan mati setem)

KUASA LEMBAGA PENGARAH

Seksyen 4, Perlembagaan
Universiti:-

memberikan ijazah kehormat

memberikan
pinjaman/pendahuluan kepada
pekerja Universiti

memberikan pinjaman/bantuan
kewangan kepada pelajar

melantik & menaikkan pangkat
pekerja Universiti

KUASA SENAT

Seksyen 4, Perlembagaan
Universiti:-

menerima masuk pelajar dalam
atau luar Malaysia

memberikan ijazah, diploma, sijil
& kepujian akademik lain

menyediakan kursus pengajaran,
mengadakan peperiksaan, dll

menjalankan penyelidikan &
mengkomersilkan hasil &
dapatan penyelidikan

INFO PEJABAT PUU
BIL 57/2023 (BPRC)

KUASA LEMBAGA PENGARAH

Seksyen 20, Perlembagaan
Universiti:-

badan membuat dasar &
mengawasi Universiti

mengadakan perancangan
strategik

menggalakkan pengurusan yang
cekap & berkesan

membangunkan hubungan dengan
masyarakat/sektor korporat

KUASA SENAT

Seksyen 22, Perlembagaan
Universiti:-

badan akademik Universiti

menubuhkan Fakulti, Sekolah,
Pusat, Akademi dan Institut

bentuk dasar & kaedah
pengajaran, pembelajaran, dll

menentukan kelayakan bagi
diterima masuk dalam kursus
pengajian

INFO PEJABAT PUU
BIL 58/2023 (BPRC)

INFO PUU BIL.59/2023 (BPPK)

Kesan Rasuah Dan Salah Guna Kuasa Dalam Organisasi



01



REPUTASI

Reputasi dan imej syarikat akan terjejas.

02

MORAL

Moral kakitangan akan merosot dan tiada semangat daya saing yang sihat.

03

STATUS

Status seseorang pekerja akan dipandang hina.

04

SAHAM



Kesan buruk pada nilai saham syarikat.

05



HUBUNGAN

Berlakukanya masalah hubungan diplomatik bersama syarikat lain.



PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG UTEM



puu_utem

KUORUM (Bahagian I)

Kuorum adalah bilangan paling kecil (anggota atau ahli) yang mesti hadir bagi membolehkan mesyuarat diadakan secara rasmi dan sah.

"NO QUORUM, NO MEETING"



INFO PEJABAT PUU
BIL 61/2023 (BPRC)

KUORUM
(BAHAGIAN II)

KUORUM TAK CUKUP?

- Mesyuarat tidak sah.
- Keputusan mesyuarat boleh dicabar.
- Tindakan undang-undang.
- Boleh dikenakan tindakan tatatertib.

INFO PEJABAT PUU
BIL 62/2023 (BPRC)


INFO GUAMAN: MEMILIH PEGUAM

1. Pastikan peguam dan firma yang dipilih berdaftar di Majlis Peguam. Lakukan carian di :

http://www.malaysianbar.org.my/find_a_lawyer.html

2. Dapatkan quotation/invois dari Firma tersebut dan dapatkan penjelasan untuk setiap item (jika perlu).

3. Jika bersetuju untuk teruskan proses dengan firma tersebut, boleh membuat pembayaran buka fail dan penyerahan dokumen-dokumen yang berkaitan. (Jumlah tertakluk kepada setiap firma)



INFO PEJABAT PUU BIL.63/2023 (BGKU)



APA ITU PLAGIAT?



INFO PEJABAT PUU
BIL. 64/2023 (BPRC)

Perbuatan meniru atau mengutip/mencedok hasil kerja orang lain tanpa izin penulis asal.

Kemudian menyiarkannya sebagai ciptaan sendiri.

Kesan kepada staf

Boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000.

Kesan kepada pelajar

Boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009.



DECLARATION

APA ITU AKUAN BERSUMPAH?

- Juga dikenali sebagai Surat Akuan Berkanun.
- Dibuat di bawah Akta Akuan Berkanun 1960.




Fungsi

Lazimnya digunakan dalam suatu permohonan tertentu seperti permohonan untuk memasuki perkhidmatan awam.



Implikasi Perundangan

Sebarang keterangan palsu/tidak benar yang dibuat di bawah surat akuan berkanun boleh dikenakan tindakan dan hukuman di bawah Kanun Keseksaan, jika sabit kesalahan.



Info Pejabat PUU
BIL 65/2023 (BPRC)





CANSELOR

- Ketua Universiti.
- Pengerusi majlis konvokesyen (apabila menghadirinya).
- Dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.
- Mempunyai kuasa dan melaksanakan kewajipan yang diberikan atau dikenakan ke atasnya oleh Perlembagaan Universiti, statut, kaedah atau peraturan.

INFO PEJABAT PUU
BIL 67/2023 (BPRC)

INFO GUAMAN: MAKSIM PERUNDANGAN

**“PACTA
SUNT
SERVANDA”**
Literal Meaning : Agreements must be followed



Makna Literal:

"Pacta sunt servanda" merupakan frasa Latin yang bermaksud "perjanjian hendaklah dipatuhi" atau "kontrak harus dilaksanakan". Prinsip ini menekankan pentingnya mematuhi perjanjian yang telah dibuat.

Penjelasan Ringkas:

Prinsip ini adalah asas utama dalam undang-undang kontrak dan hubungan antarabangsa. Ia menggariskan bahawa apabila dua atau lebih pihak membuat perjanjian yang sah, mereka wajib mematuhi dan melaksanakannya dengan penuh tanggungjawab.

INFO PEJABAT PUU BIL.68/2023 (BGKU)

PRO- CANSOLOR



- Dilantik oleh Canselor, atas nasihat Menteri.
- Pengerusi majlis konvokesyen (apabila diberi kuasa oleh Canselor).
- Menjalankan fungsi di bawah Perlembagaan Universiti, statut, kaedah atau peraturan jika Canselor tidak berupaya menjalankan mana-mana fungsinya.

**INFO PEJABAT PUU
BIL 69/2023 (BPRC)**


Info Guaman: APA MAKSUD 'JID'?

JID bermaksud 'Judgment in Default' atau dalam Bahasa Melayu disebut **Penghakiman Ingkar**.

Penghakiman Ingkar terbahagi kepada 2 iaitu Penghakiman Ingkar Kehadiran dan Penghakiman Ingkar Pembelaan.

Penghakiman Ingkar Kehadiran Adalah Penghakiman yang dimasukkan setelah Defendan gagal memfailkan Memorandum Kehadiran ke Mahkamah dalam tempoh 14 hari dari Tarikh serahan Writ & Pernyataan Tuntutan ataupun gagal hadir ke Mahkamah.

Penghakiman Ingkar Pembelaan pula Penghakiman yang dimasukkan terhadap Defendan yang telah memfailkan Memorandum Kehadiran, namun Defendan gagal memfailkan Pernyataan Pembelaan.



INFO PEJABAT PUU BIL.70/2023 (BGKU)

SEKALUNG PENGHARGAAN

- Encik Mohd Nizam bin Pavel
- Datuk Azhar bin Mohamed
- Cik Siti Norashikin binti Mohd Yunus
- Cik Nur Maizatull Hafyfa binti Ahmad Tajudin
- Puan Afiana binti Husin
- Cik Ungku Nor Afiq binti Ungku Hassan
- Puan Nurfadhliana binti Rosli
- Cik Nabilah Hanani binti Abu Bakar
- Encik Muhamad Aidil Fahmi bin Adnan
- Puan Nadhia binti Gafar
- Encik Fadzly bin Nordin
- Encik Abdul Rahman bin Salleh
- Encik Muhamad Amirul bin Razali
- Encik Zaid bin Roslan

KOLEKSI INFO PUU 2023



PENERBIT
UTeM
Press

Laman Sesawang : <https://penerbit.utm.edu.my>
Kedai Buku Dalam Talian : <https://utembooks.utm.edu.my>
Emel : penerbit@utm.edu.my